

FTA: Sensitiviti rakyat diutamakan

BH-5/4/2007

Keluaran Malaysia tetap dilindungi daripada lambakan produk luar

Laporan Khas

Oleh Jamhariah Jaafar, Jami'ah Shukri dan Hasliza Hassan

MALAYSIA menggariskan langkah sesuai bagi melindungi industri tempatan daripada terjejas kesan kemasukan import dan pelaburan asing yang dijangka mendadak apabila termeterainya perjanjian perdagangan bebas (FTA) Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata orang ramai khususnya mereka yang terabit dalam pelbagai sektor industri tidak perlu bimbang kerana Malaysia akan sentiasa membuat keputusan berdasarkan kepentingan negara.

Sekarang, katanya, rundingan dua hala FTA Malaysia dan AS tertumpu kepada isu yang tidak mendapat tentangan, sama ada dari Kuala Lumpur atau Washington, tetapi yang boleh dibincang dan dirunding seterusnya.

Beliau berkata, kedua-dua pihak sudah bersetuju untuk berunding dengan semangat mencapai persetujuan yang memuaskan dua pihak, serta dengan kesediaan untuk mencari fleksibiliti di mana wajar dan memahami sensitiviti serta kedudukan masing-masing.

Rafidah berkata, pada peringkat Malaysia, dalam proses rundingan, semua Kementerian terabit sentiasa mendapat input dan panduan, daripada sektor swasta khususnya sektor industri dan perniagaan yang secara langsung ada kaitan dengan pembukaan pasaran serta penurunan tarif di Amerika Syarikat.

"Semua input yang diterima oleh Kementerian dan agensi akan menjadi asas kepada permintaan Malaysia terhadap Amerika Syarikat dan juga asas, kepada sebarang pendirian negara kepada mana-mana permintaan Amerika Syarikat terutama dalam konteks pembukaan pasaran, di Malaysia.

"Contohnya, persatuan industri dan perdagangan akan memberi input terhadap sejauh mana pasaran untuk sesuatu produk atau perkhidmatan, boleh dibuka un-

tuk syarikat Amerika Syarikat.

"Mereka sendiri akan memberi panduan kepada kerajaan mengenai bila mereka bersedia untuk menerima saingan, dan setakat mana ekuiti asing boleh dibenarkan. Begitu juga sebaliknya, persatuan industri dan perdagangan ini akan diberi panduan dan sejauh mana mereka boleh meminta, supaya pasaran di Amerika Syarikat dibuka untuk mereka," katanya dalam perjumpaan dengan *Berita Harian*.

Rafidah berkata, memandangkan liputan perjanjian FTA yang dirundingkan adalah komprehensif, setiap isu perlu dibincang dengan teliti dan setiap Kementerian dan agensi mesti mengadakan perundingan dengan bijak, supaya tuntutan Malaysia dan pendirian Kementerian serta agensi dapat dipertimbangkan dengan positif oleh Amerika Syarikat.

"Setakat ini, rundingan sudah sampai pada peringkat teknikal dan laporan yang diberi semua Kementerian dan agensi ter-

babit menunjukkan ada tuntutan Amerika Syarikat yang memang boleh diberi pertimbangan, seperti permintaan untuk memudahkan perjalanan perdagangan dan proses kastam.

"Sebaliknya, ada juga permintaan yang tidak boleh dipertimbangkan, kerana bercanggah dengan dasar sedia ada atau melebihi apa yang Malaysia sudah tawarkan dalam rundingan WTO, mahupun dalam perjanjian Afta (Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean)," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata ada permintaan yang boleh dirundingkan, dengan mengemukakan pilihan lain atau menerusi cadangan balas tertentu oleh Malaysia. Begitu juga, ada permintaan Malaysia yang boleh dipertimbangkan oleh Amerika Syarikat dan ada yang tidak dapat dipersetujui mereka kerana sebab tertentu.

Sementara itu, Duta Besar Amerika ke Malaysia, Christopher LaFleur, berkata Malaysia dan AS tidak dapat memenuhi

tarikh tepat mengemukakan FTA kepada Kongres Amerika Syarikat bagi mendapatkan kelulusan cepat perjanjian itu.

Katanya, walaupun kedua-dua negara tidak dapat memenuhi tarikh tutup itu, apa yang penting bukanlah masa, tetapi isi kandungan perjanjian berkenaan.

"Hasrat kedua-dua negara untuk mencapai kualiti tinggi mengenai FTA yang memberikan manfaat kedua-dua negara," katanya ketika berucap pada Perutusan Malaysia-Amerika Syarikat, di American University, di Washington, Jumat lalu.

Pentadbiran Presiden George W Bush berminat mengambil peluang terhadap 'Kecepatan' Presiden atau 'Pihak Berkuasa Promosi Perdagangan' (TPA) yang akan berakhir Jun ini.

Di bawah status TPA sekarang, FTA hendaklah dikemukakan 90 hari sebelum akhir Jun bagi memastikan sama ada ia diterima atau tidak, pengundian tanpa pindaan kepada perjanjian itu oleh Kongres.

LaFleur berkata, perbincangan masih diadakan antara pentadbiran itu dan Capitol Hill mengenai apa yang perlu dibuat terhadap perjanjian perdagangan terbabit yang belum lagi disiapkan.

Rundingan perdagangan Amerika Syarikat-Malaysia yang buntu di Sabah, Februari lalu akan disambung semula di Washington pertengahan bulan ini.

Dalam pada itu, industri automatif negara tidak perlu kluatir kerana sektor itu tidak termasuk dalam 18 isu kritikal yang dibincangkan dalam rundingan FTA Malaysia-AS.

Presiden Persatuan Automatif Malaysia (MAA), Datuk Aishah Ahmad, berkata industri automatif masih dalam senarai sensitif dan belum ada bayang-bayang menunjukkan ia akan dibincangkan dalam rundingan FTA seterusnya.

"Kerajaan tidak bersetuju kerana belum mahu buka pasaran (automatif) lagi. Oleh itu tiada kekhuatiran atau sebab untuk membangkitkan apa akan jadi atau apakah kesan FTA kepada industri automatif," katanya.

Sebelum ini, kalangan pemerhati tempatan bimbang kesan pasaran terbuka jika termeterai FTA itu yang memungkinkan industri automatif turut terjejas, sekali gus dianggap boleh menggugat kedudukan Proton Holdings Bhd yang mengeluarkan kereta nasional Proton.

FAKTA

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia-Amerika Syarikat

- Sehingga kini Malaysia sudah menandatangani FTA dengan Jepun dan Program Tuaijan Awal dengan Pakistan. FTA dengan Jepun dilaksana mulai Julai tahun lalu dan kesannya, eksport Malaysia ke negara itu sehingga akhir 2006 meningkat kepada RM27.7 bilion berbanding RM25.5 bilion bagi tempoh sama 2005.
- Selain AS, rundingan FTA sedang dijalankan dengan Australia, Pakistan dan New Zealand.
- Di peringkat serantau, Malaysia menerusi Asean sudah memeterai perjanjian FTA dalam sektor barangan dan perkhidmatan dengan China serta sektor barangan dengan Korea.
- AS adalah rakan dagang dan pasaran eksport terbesar bagi Malaysia.
- Malaysia ialah rakan dagang Amerika yang ke-10 terbesar dengan nilai dagang dua hala melebihi RM162 bilion setahun.
- Antara 2002 hingga 2006, eksport Malaysia ke Amerika mencatatkan pertumbuhan melebihi 50 peratus. Tahun lalu saja, eksport Malaysia ke AS berjumlah RM110.6 bilion atau 18.8 peratus dari jumlah eksport Malaysia.
- Malaysia kini mengimport lebih banyak barang Amerika berbanding ekonomi yang lebih besar seperti India dan Indonesia.
- Pada 2006, nilai perdagangan dua hala mencapai RM170.8 bilion atau 16 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia.
- AS adalah sumber pelaburan asing terbesar bagi Malaysia terutama dalam sektor perkilangan. Antara 2000-2006, nilai pelaburan AS di Malaysia berjumlah RM24.4 bilion atau AS\$6.5 bilion. Bagi 2006 saja, nilai pelaburan dari Amerika Syarikat berjumlah RM2.5 bilion.

